

28 APR 1997

Mahathir-Guan Eng

PENSABITAN GUAN ENG MUNGKIN BAWA ANGGAPAN MAHKAMAH TIDAK ADIL

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, keputusan Mahkamah Tinggi Melaka terhadap Timbalan Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng mungkin membawa mesej kepada parti-parti pembangkang yang mahkamah-mahkamah di Malaysia tidak adil.

Perdana Menteri berkata, bukan sahaja pembangkang tetapi juga media massa boleh melihat keputusan itu dalam konteks yang sama.

"Itulah yang akan dianggap oleh media massa (keputusan itu) ...apabila sesuatu anti-kerajaan ia adalah adil ... tetapi apa-apa terhadap pembangkang ia tidak adil," dan mengapa tanya saya apabila anda (media massa) telahpun membuat keputusan," kata beliau.

Beliau berkata demikian di sini selepas melancarkan "Cabaran Malaysia" grand prix Kapal Layar sempena Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) pada Disember ini.

Lim didapati bersalah terhadap dua tuduhan, menerbitkan risalah mengandungi fakta palsu dan menghasut orang ramai, masing-masing mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Hasutan 1948 oleh Hakim Datuk Mohd Noor Abdullah.

Ditanya mengenai dakwaan Lim yang keputusan mahkamah itu berbau politik, Dr Mahathir menjawab, kritikan Lim selama ini terhadap kerajaan berbau politik.

"Apabila orang lain melakukan beliau berkata ianya mempunyai dorongan politik tetapi apabila beliau melakukannya ia bukan berbau politik," kata beliau.

Ditanya apa mesej yang mungkin diterima oleh parti-parti pembangkang beliau berkata "mesej itu ialah mahkamah-mahkamah tidak adil.... kepada pembangkang.. dan itulah juga akan dianggap oleh media massa ... apa lagi... apa-apa yang anti kerajaan adalah adil .. apa-apa terhadap pembangkang tidak adil," kata beliau.

Sebelum itu dalam ucapannya, Dr Mahathir berharap perlumbaan itu yang diadakan selama enam hari bermula 2 Dis ini di Langkawi akan menerima respon yang baik dan akan meningkatkan minat Malaysia dalam sukan itu.

Dr Mahathir juga berharap, mereka yang mengambil bahagian dalam pertandingan itu yang diadakan pada masa yang sama dengan LIMA akan menjadi penaja kepada acara itu supaya ia bermula dengan lancar.

Lebih kurang 10 pasukan termasuk dari Malaysia dijangka menyertai acara itu yang menawarkan hadiah wang RM250,000 dan sebuah trofi bernilai RM20,000 yang direkabentuk di Malaysia kepada pemenang. -- BERNAMA

ARA PR